

Anjur zumba sempena raya

BANDAR SAUJANA PUTRA - Apa sahaja aktiviti yang dianjurkan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Iris, Bandar Saujana Putra (BSP) di sini pasti mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk.

Pengerusinya, Jamaludin Mat berkata, respons positif yang ditunjukkan penduduk itu adalah bukti KRT ini masih aktif dan diterima baik penduduk.

"Alhamdulillah, kalau boleh saya nak KRT ni lebih dekat dengan penduduk di sini. Bila hubungan sesama kita erat, Insya-ALLAH semua perkara melibatkan hal-hal berkaitan taman ini dapat diuruskan dengan baik," katanya kepada



Sebahagian penduduk yang terlibat dalam aktiviti Zumba Raya di Padang SP7/14 di Bandar Saujana Putra yang dianjurkan oleh KRT Taman Iris.

pemberita sempena Program Zumba Raya yang diadakan di Padang SP7/14, Bandar Saujana Putra.

Menurutnya, program itu antara aktiviti KRT dalam mengaktifkan Ajidilfitri ini.

"Kita saja buat kelainan sambutan raya kali ni,

maklumlah musim raya ni banyak yang buat rumah terbuka, semua orang sibuk makan sampai ada yang lupa nak bersenam.

"Saya percaya aktiviti seperti ini dapat perkukuhkan lagi persefahaman dan keharmonian jiran-jiran pelba-

gai kaum di sini," katanya.

Sementara itu, Pegawai Perpaduan Daerah Kuala Langat, Ibrahim Abdullah berkata, program yang dijalankan adalah satu program yang bermanfaat dalam memberi kesedaran tentang kesihatan dan mengeratkan silaturahim.

Penduduk lega je jambat dibina

DENGKIL - Pengumuman mengenai pengguna jalan raya Simpang Empat, Dengkil dari arah KLIA ke Putrajaya dan Putrajaya ke KLIA bakal menikmati kemudahan je jambat persimpangan bertingkat menjelang awal 2019 baru-baru ini, mendapat maklum balas positif penduduk.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Kampung Semarang, Maajis Kasan berkata, penduduk lega berikutan masalah kesesakan yang terpaksa mereka hadapi sejak lebih 10 tahun itu bakal selesai.

"Kalau dulu penduduk terpaksa tempuh kesesakan lalu lintas selama 30 minit hingga satu jam dengan jarak kesesakan sepanjang lima kilometer.

"Kini sudah tiba masanya penduduk nikmati kemudahan, segala urusan juga boleh berjalan lancar," katanya.

Menurutnya, manfaat itu juga turut diterima penduduk dari Kampung Olak Lempit, Banting dan Ampat Tenang.

"Saya juga harap bila je jambat itu siap sepenuhnya, penduduk dapat memanfaatkan kemudahan itu sebaiknya," katanya.

KLiK pilihan

BERBILANG KAUM Setiausaha Politik Timbalan Perdana Menteri, Datuk Abdul Fatah Iskandar dan isteri, Datin Latifah Ismail melayan kanak-kanak yang hadir pada majlis rumah terbuka beliau di Batu 8, Sijangang. Hadir sama, Pengerusi MCA Kuala Langat, Datuk Ei Kim Hock (belakang, tiga kiri). Pada majlis itu, Abdul Fatah turut menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim dan asnaf di sekitar Kuala Langat dan bantuan diberikan tanpa mengira kaum.

Sengsara lebih 10 tahun bakal berakhir

Laporan Sinar Harian 28 Julai lalu.

Perkongsian ilmu dua budaya

SK Kanchong Darat terima kunjungan murid, guru Japanese School of Kuala Lumpur

BANTING - Sekolah Kebangsaan (SK) Kanchong Darat menerima kunjungan murid dan guru Japanese School of Kuala Lumpur yang menyertai program pertukaran budaya antara kedua-dua negara, kelmarin terdiri daripada 44 murid dan tujuh guru.

Guru Besar SK Kanchong Darat, Yahaya Om berkata, program Jalinan Muhibbah SK Kanchong Darat-International Understanding And Cultural The Japanese School of Kuala Lumpur itu bertujuan memberikan pengalaman kepada murid mengenali budaya di antara dua negara benua Asia.

Menurutnya, walaupun kunjungan itu hanya sehari, namun Yahaya menyifatkan lawatan sambil belajar tersebut amat bermakna bagi muridnya.

"Mereka ke sini sebab nak belajar budaya kita...program silang budaya



Sebahagian murid SK Kanchong Darat bergambar bersama murid dan guru-guru daripada Japanese School of Kuala Lumpur.

ini adalah sebahagian daripada aktiviti yang diadakan dan kita lihat ia berjaya mencapai objektifnya," katanya ketika ditemui pada program berkenaan yang diadakan di Dataran Budi SK Kanchong Darat.

Yahaya berkata, program dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan

dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Kanchong Darat, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor serta Alumni Pelajar Program Pandang Ke Timur itu turut mengadakan pelbagai aktiviti dalam menguasai perbezaan budaya.

Antara aktiviti yang dijalankan

termasuklah permainan tradisional seperti baling tin, gasing, sepak takraw dan baling kelapa.

"Murid-murid Jepun pula ajar kita buat origami selain menunjukkan bakat mereka melalui tarian tradisional daerah Hokkaido.

"Murid sekolah ini pula perkenalan

tarian tradisional Tarian Indang dan Tualang Tiga," katanya.

Beliau berkata, diharapkan melalui kunjungan muhibbah ini kedua belah pihak dapat meningkatkan lagi minat murid dalam aspek kebudayaan dan pengetahuan tentang negara lain.